



KERAJAAN MALAYSIA

**ARAHAN NO.1
2001**

**JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN
DASAR WAWASAN NEGARA**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

8 MEI 2001

**ARAHAN NO. 1
2001**

**JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN
DASAR WAWASAN NEGARA**

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan untuk mewujudkan Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Wawasan Negara (DWN) bagi merealisasikan matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) selaras dengan Wawasan 2020.
- 1.2 Bagi mempercepatkan proses perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek yang memerlukan pelaporan maklumat secara elektronik Sistem Pemantauan Projek atau *Project Monitoring System II* (PMS II) di bawah Kerajaan Elektronik akan digunakan.
- 1.3 Aspek pemantauan serta penilaian secara analitikal dasar program dan projek pembangunan adalah aspek yang sangat penting bagi memastikan usaha pembangunan negara dilaksanakan secara konsisten di semua peringkat dan seterusnya mencapai matlamat DWN.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Arahan No. 1 yang pertama dikeluarkan pada tahun 1971 bagi menyelaras dan mengawasi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di samping membentaras ancaman komunis. Arahan ini telah dipinda 2 kali dan digantikan dengan Arahan No. 1, 1991 dan Arahan No. 1, 1996 bagi menyesuaikan kerangka jentera penyelarasan dengan senario pembangunan tahun 1990an dan tumpuan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN).
- 2.2 Pelaksanaan RRJP3 yang bermula dengan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) akan memberi penekanan kepada pembangunan negara maju dan berkualiti menjelang tahun 2020. Pelaksanaan rancangan pembangunan di alaf baru berikutan proses globalisasi dan liberalisasi, penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau *Information Communication Technology (ICT)* serta harapan yang tinggi

daripada rakyat menuntut kepada satu jentera penyelarasan pelaksanaan pembangunan yang lebih berkesan. Justeru itu, strategi utama yang akan dilaksanakan melalui jentera penyelarasan pelaksanaan di bawah Arahan ini bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh negara adalah seperti berikut:

- (a) meneruskan pengurusan ekonomi makro yang mantap dan memastikan dasar kewangan dan fiskal yang berhemat serta meningkatkan usaha membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan;
- (b) memperkukuh dan menyelaraskan program dan strategi pengagihan bagi memastikan penyertaan yang seimbang di kalangan dan antara kumpulan etnik dan kumpulan pendapatan serta wilayah;
- (c) meningkatkan pertumbuhan produktiviti melalui pemantapan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran pekerja serta mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (P&P) dan sains dan teknologi (S&T);
- (d) meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi dengan mempercepatkan peralihan sektor ekonomi utama kepada proses pengeluaran yang lebih cekap dan aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi;
- (e) memperluaskan penggunaan ICT dalam semua sektor ekonomi bagi mempercepatkan proses pertumbuhan;
- (f) memperkukuhkan asas sumber manusia bagi memastikan bekalan tenaga manusia yang mempunyai tahap pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran berfikir yang tinggi;
- (g) melaksanakan pendekatan menyeluruh dan bersepadu dalam menangani isu-isu sumber asli dan alam sekitar bagi mengekalkan pembangunan yang mampan;

- (h) meningkatkan lagi kualiti hidup melalui peningkatan akses kepada perkhidmatan sosial serta membangunkan aspek estetik dalam kehidupan; dan
 - (i) mempergiatkan usaha bagi memupuk dan menyemai nilai-nilai positif dan sifat murni di kalangan rakyat menerusi sistem pendidikan, pertubuhan sosial dan agama serta media.
- 2.3 Strategi-strategi tersebut serta penggunaan *ICT* yang semakin canggih memberi kesan kepada *modus operandi* jentera penyelarasan pelaksanaan pembangunan. Ini menyebabkan peranan, tanggungjawab, struktur, keahlian dan proses kerja jentera penyelarasan pelaksanaan pembangunan yang sedia ada perlu disusun semula.

3. MODUS OPERANDI

3.1 Jentera Penyelarasan Pelaksanaan

Jentera penyelarasan pelaksanaan di bawah Dasar Wawasan Negara dan Rancangan Malaysia Lima Tahun adalah seperti berikut:

PERINGKAT PERSEKUTUAN

3.1.1 **Majlis Pembangunan Negara (MPN)**

MPN adalah badan tertinggi yang memutuskan dasar dan strategi pelaksanaan projek-projek pembangunan negara.

3.1.2 **Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara (JKPN)**

JKPN ditubuhkan bagi memastikan semua keputusan MPN dilaksanakan dengan sepenuhnya. JKPN juga berperanan menangani isu/masalah pelaksanaan projek-projek pembangunan. Disamping itu JKPN bolehlah memperakukan cadangan dasar dan strategi pelaksanaan untuk pertimbangan MPN.

3.1.3 **Jawatankuasa Pembangunan Peringkat Kementerian (JPPK)**

JPPK ditubuhkan bagi memastikan semua keputusan MPN dan JKPN dilaksanakan sepenuhnya di peringkat Kementerian. JPPK

juga berperanan menangani isu/masalah pelaksanaan projek-projek pembangunannya. Di samping itu JPPK boleh memperakukan cadangan dasar dan strategi pelaksanaan untuk pertimbangan JKPN.

PERINGKAT NEGERI

3.1.4 Majlis Pembangunan Negeri (MPNg)

MPNg ditubuhkan bagi memastikan semua keputusan MPN dan JKPN dilaksanakan sepenuhnya di peringkat Negeri. MPNg juga berperanan menangani isu/masalah pelaksanaan projek-projek pembangunan. Disamping itu MPNg bolehlah memperakukan cadangan dasar dan strategi pelaksanaan untuk pertimbangan JKPN dan MPN.

3.1.5 Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri (JKPNg)

JKPNg ditubuhkan bagi memastikan semua keputusan MPNg dilaksanakan sepenuhnya di peringkat Negeri. JKPNg juga berperanan menangani isu/masalah pelaksanaan projek-projek pembangunan. Disamping itu JKPNg bolehlah memperakukan cadangan dasar dan strategi pelaksanaan untuk pertimbangan MPNg.

PERINGKAT DAERAH

3.1.6 Jawatankuasa Kerja Pembangunan Daerah (JKPD)

JKPD ditubuhkan bagi memastikan semua keputusan MPNg dan JKPNg dilaksanakan sepenuhnya di peringkat Daerah. JKPD juga berperanan menangani isu/masalah pelaksanaan projek-projek pembangunan. Disamping itu JKPD bolehlah memperakukan cadangan dasar dan strategi pelaksanaan untuk pertimbangan JKPNg dan MPNg.

3.2 Sistem Pemantauan Projek atau *Project Monitoring System II (PMS II)*

3.2.1 Jentera penyelarasan pelaksanaan DWN akan menggunakan PMS II sebagai alat utama untuk memantau dan menyelaraskan dasar dan projek-projek pembangunan. Bagi memastikan objektif ini tercapai maklumat-maklumat di dalam PMS II hendaklah diisi dan dikemaskini dengan tepat dan betul pada setiap masa.

4. PELANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS / JAWATANKUASA

- 4.1 Pengerusi boleh menjemput wakil dari sektor swasta dan pertubuhan sukarela bagi mewakili kepentingan-kepentingan tertentu untuk hadir dalam Majlis/Jawatankuasa dari semasa ke semasa dengan syarat perkara-perkara kerahsiaan Kerajaan tetap terjamin.
- 4.2 Sekiranya jawatan ahli Majlis/Jawatankuasa tidak wujud di negeri/daerah atau diberi gelaran lain, Urus Setia boleh memperakukan kepada Pengerusi supaya pelantikan berkenaan dibuat atas nama Ketua Jabatan/Agensi yang bertanggungjawab. (contohnya: Pengarah Tanah dan Ukur di Sabah dan Sarawak bagi jawatan Pengarah Tanah dan Galian di Negeri-negeri di Semenanjung).
- 4.3 Memandangkan Perlis tidak mempunyai daerah seperti negeri-negeri lain maka Pengerusi MPNg Perlis/JKPNg Perlis boleh melantik Ahli Parlimen/Dewan Undangan Negeri sebagai ahli dalam Majlis/Jawatankuasa. Pelantikan ini akan membolehkan Ahli Parlimen/Dewan Undangan Negeri Perlis terlibat dalam pembangunan sama seperti amalan di negeri-negeri lain.
- 4.4 Kehadiran ahli dalam mesyuarat Majlis/Jawatankuasa adalah atas nama jawatan atau boleh diwakilkan kepada Timbalan sahaja. YB Menteri/YAB Menteri Besar/YAB Ketua Menteri boleh menghantar wakil tetap dalam mesyuarat JKPD.

5. PERUBAHAN KEPADA NAMA, PENERUSI, KEANGGOTAAN, FUNGSI MAJLIS DAN JAWATANKUASA

- 5.1 YAB Perdana Menteri boleh membatalkan atau meminda keanggotaan dan fungsi mana-mana Majlis dan Jawatankuasa.
- 5.2 Ahli-ahli Yang Berhormat yang menganggotai MPNg, JKPNg atau JKPD hendaklah terdiri daripada wakil-wakil rakyat Kerajaan Persekutuan.

6. LIPUTAN ARAHAN

- 6.1 Arahan ini berkuatkuasa bagi semua negeri. Bagi Wilayah Persekutuan keanggotaannya akan ditentukan berasingan.

7. PENUTUP

- 7.1 Dengan berkuatkuasanya Arahan ini, maka Arahan No.1, 1996 Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional bertarikh 6 Jun 1996 berserta pindaan-pindaannya dibatalkan.
- 7.2 Pindaan-pindaan kepada Arahan ini akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

t.t
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
PERDANA MENTERI MALAYSIA

PUTRAJAYA,
8 Mei 2001


**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
ARAHAN NO. 1, 2001
JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN
DASAR WAWASAN NEGAR**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN ARAHAN NO. 1, 2001 JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN DASAR WAWASAN NEGARA

1. PENDAHULUAN

1.1 Selaras dengan kehendak Arahan No. 1, 2001, Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Wawasan Negara perlu ditubuhkan di semua peringkat pentadbiran. Hubungan dan aliran maklumat antara jentera adalah seperti berikut:

HUBUNGAN DAN ALIRAN MAKLUMAT JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN DASAR WAWASAN NEGARA (ARAHAN NO. 1, 2001)



2. JENTERA PENYELARASAN PELAKSANAAN DASAR WAWASAN NEGARA

PERINGKAT PERSEKUTUAN

2.1 Majlis Pembangunan Negara (MPN)

2.1.1 Keanggotaan MPN

<i>Pengerusi</i>	:	Perdana Menteri.
<i>Ahli-ahli</i>	:	Timbalan Perdana Menteri. Menteri Pengangkutan. Menteri Kerja Raya. Menteri Perusahaan Utama. Menteri Kewangan. Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Menteri Tanah Dan Pembangunan Koperasi. Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Menteri Pembangunan Usahawan. Menteri Pembangunan Luar Bandar. Menteri Pertanian. Menteri Pendidikan. Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Menteri yang bertanggungjawab ke atas Hal Ehwal Agama Islam). Ketua Setiausaha Negara.
<i>Setiausaha</i>	:	Ketua Pengarah, ICU, JPM.

Ahli Jemputan : Menteri/Ketua Menteri serta mana-mana individu yang dilantik oleh Pengerusi berasaskan isu semasa yang dibincangkan.

Urus Setia : ICU, JPM.

2.1.2 **Fungsi MPN**

- (a) Menetapkan dasar dan strategi pelaksanaan pembangunan yang menyeluruh, seimbang dan selaras dengan Wawasan 2020.
- (b) Menentukan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan selaras dengan matlamat DWN.
- (c) Menilai strategi pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah DWN.
- (d) Menyelaras isu-isu pembangunan yang berkaitan dengan alam sekitar.

2.1.3 **Kekerapan Mesyuarat**

Mesyuarat Majlis ini diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun atau seperti ditetapkan oleh Pengerusi.

2.2 **Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara (JKPN)**

2.2.1 **Keanggotaan JKPN**

Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara.

Ahli-ahli : Ketua Setiausaha Kementerian
Kewangan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam.

Ketua Audit Negara.

Ketua Pengarah,
MAMPU, JPM.

Ketua Pengarah,
ICU, JPM.

Ketua Pengarah, UPE, JPM.

Ketua Pengarah Kerja Raya.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Pendidikan.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Perusahaan Utama.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Tanah Dan
Pembangunan Koperasi.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Tenaga, Komunikasi
dan Multimedia.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Pertanian.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Perdagangan
Antarabangsa Dan Industri.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Pengangkutan.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Pembangunan Luar
Bandar.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Pembangunan
Usahawan.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Perpaduan Negara
dan Pembangunan Masyarakat.

Ketua Pengarah,
Jabatan Alam Sekitar.

Ketua Pengarah,
JAKIM.

Ahli Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan
serta mana-mana individu yang
dilantik oleh Pengerusi beraskan
isu semasa yang dibincangkan.

2.2.2 **Fungsi JKPN**

- (a) Memastikan keputusan MPN dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan.
- (b) Memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan adalah bersepadu dan seimbang dengan dasar-dasar negara seperti keperluan pembangunan persekitaran, kehendak sosial dan budaya serta pembangunan insan.
- (c) Memastikan aktiviti Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri selaras dengan objektif penubuhannya dan DWN.
- (d) Memantau institusi-institusi Kerajaan dan projek-projek pembangunan yang diswastakan secara terpilih supaya selaras dengan DWN.
- (e) Mengenalpasti dan menyelesaikan rintangan dan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan.
- (f) Mengkaji semula dan memperkenalkan sistem serta prosedur baru untuk mempercepatkan pelaksanaan, pengawasan serta penilaian projek-projek pembangunan.
- (g) Menilai kemampuan organisasi dalam aspek sumber manusia, kepakaran dan peralatan agensi-agensi pelaksana.
- (h) Memantau dan menilai secara analitikal dasar, program dan projek pembangunan untuk mencapai matlamat DWN.
- (i) Memperakukan dasar dan strategi pembangunan kepada MPN bagi mencapai matlamat DWN.

2.2.3 **Kekerapan Mesyuarat**

Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali mengikut jadual yang ditetapkan oleh Pengerusi.

2.3 Jawatankuasa Pembangunan Peringkat Kementerian (JPPK)

2.3.1 Keanggotaan JPPK

- Pengerusi* : Ketua Setiausaha Kementerian.
- Ahli-ahli* : Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan).
Ketua-ketua Jabatan/Agensi.
Ketua Bahagian/Unit Teknikal (jika ada).
- Ahli Jemputan:* Wakil Jabatan/Agensi Kerajaan serta mana-mana individu yang dilantik oleh Pengerusi berasaskan isu semasa yang dibincangkan.
- Urus Setia* : Pejabat Setiausaha Bahagian/Ketua Unit Bahagian Pembangunan.

2.3.2 Fungsi JPPK

- (a) Memastikan semua arahan dan keputusan JKPN dan MPN dilaksanakan dengan berkesan.
- (b) Menyelaras perancangan pelaksanaan semua projek-projek pembangunan di bawah Kementerian.
- (c) Memastikan setiap perancangan projek fizikal turut mengambil kira keperluan sumber tenaga manusia.
- (d) Mengawasi, memantau dan menilai impak pelaksanaan projek pembangunan Kementerian ke atas dasar-dasar negara seperti alam sekitar, pembangunan sosial, budaya dan pembangunan insan.
- (e) Memantau pelaksanaan projek-projek yang diswastakan di bawah Kementerian dan melaporkannya kepada ICU, JPM melalui *Project Monitoring System II* (PMS II).
- (f) Mengawas, memantau dan menilai prestasi Badan-badan Berkanun di bawah penyeliaan Kementerian seperti yang ditetapkan melalui Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998.

- (g) Memperakukan dasar dan strategi pembangunan kepada JKPN bagi mencapai matlamat DWN.

2.3.3 *Kekerapan Mesyuarat*

Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

PERINGKAT NEGERI

2.4 **Majlis Pembangunan Negeri (MPNg)**

2.4.1 *Keanggotaan MPNg*

Pengerusi : Menteri Besar/Ketua Menteri.

Ahli-Ahli : Menteri-menteri Kabinet Negeri/
Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri yang dilantik oleh Pengerusi.

Setiausaha Kerajaan Negeri.

Setiausaha Persekutuan (bagi
Negeri Sabah dan Sarawak).

Pegawai Kewangan Negeri.

Pegawai Kewangan Persekutuan
(bagi Negeri Sabah dan Sarawak).

Pengarah Unit Perancang Ekonomi
Negeri.

Pengarah Tanah dan Galian.
(Pengarah Tanah dan Ukur, Sabah/
Pengarah Tanah dan Survey,
Sarawak).

Pengarah Kerja Raya Negeri.

Pengarah Pendidikan Negeri.

Pengarah Audit Negeri.

Pengarah Pertanian Negeri.

Pengarah Pengairan dan Saliran
Negeri.

Pengarah Perancang Bandar dan
Desa, Negeri

Pengarah Jabatan Alam Sekitar
Negeri.

Pengarah Jabatan Kebajikan
Masyarakat, Negeri.

Pengarah Jabatan Agama Islam
Negeri.

Setiausaha : Pengarah Pembangunan Persekutuan/
Pengarah Pembangunan Negeri.

Ahli Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan serta
mana-mana individu yang dilantik oleh
Pengerusi berasaskan isu semasa yang
dibincangkan.

Urus Setia : Pejabat Pengarah Pembangunan
Persekutuan/Pengarah Pembangunan
Negeri.

2.4.2 Bagi Negeri Sabah dan Sarawak, Pengerusi boleh
melantik Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan
Negeri sebagai ahli tetap Majlis.

2.4.3 **Fungsi MPNg**

- (a) Memastikan keputusan dan arahan MPN dilaksanakan
dengan sempurna dan berkesan.
- (b) Menentukan strategi pelaksanaan projek-projek
pembangunan di peringkat Negeri menepati matlamat DWN.
- (c) Memantau, mengawasi dan menilai impak pelaksanaan
projek-projek pembangunan di peringkat Negeri supaya
bersepadu dan seimbang dengan dasar-dasar negara
seperti alam sekitar, kehendak sosial, budaya dan
pembangunan insan.
- (d) Mengawasi perjalanan aktiviti Badan-badan Berkanun
Negeri selaras dengan objektif penubuhannya dan DWN.

- (e) Menilai dan menimbang permohonan projek-projek pembangunan yang dikemukakan oleh JKPNg.
- (f) Memastikan institusi-institusi Kerajaan dan projek-projek pembangunan yang diswastakan secara terpilih selaras dengan DWN.
- (g) Memperakukan dasar dan strategi pembangunan kepada JKPN dan MPN bagi mencapai matlamat DWN.

2.4.4 ***Kekerapan Mesyuarat***

Mesyuarat MPNg hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

2.5 **Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri (JKPNg)**

2.5.1 ***Keanggotaan JKPNg***

Pengerusi : Setiausaha Kerajaan Negeri.

Ahli-Ahli : Setiausaha Persekutuan.
(bagi Negeri Sabah dan Sarawak).

Pegawai Kewangan Negeri.

Pengarah Pembangunan
Persekutuan/Pengarah
Pembangunan Negeri.

Pegawai Kewangan Persekutuan
(bagi Negeri Sabah dan Sarawak).

Pengarah Tanah dan Galian Negeri
(Pengarah Tanah dan Ukur, Sabah
dan Pengarah Tanah dan Survey,
Sarawak).

Pengarah Kerja Raya Negeri.

Pengarah Unit Perancang Ekonomi
Negeri.

Pengarah Pertanian Negeri.

Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri.

Pengarah Perancang Bandar dan
Desa Negeri.

Pengarah Pendidikan Negeri.

Pengarah Perkhidmatan
Perubatan dan Kesihatan Negeri.

Pengarah Alam Sekitar Negeri.

Pengarah Jabatan Agama Islam
Negeri.

Pengarah Audit Negeri.

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri.

Residen/ Pegawai Daerah yang
dilantik oleh Pengerusi.

Ahli Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan serta mana-
mana individu yang dilantik oleh Pengerusi
berasaskan isu semasa yang dibincangkan.

Urus Setia : Pejabat Pengarah
Pembangunan Persekutuan/
Pengarah Pembangunan Negeri.

2.5.2 **Fungsi JKPNg**

- (a) Memastikan semua arahan dan keputusan MPNg dilaksanakan dengan berkesan.
- (b) Menyelaras pelaksanaan projek yang melibatkan pelbagai Jabatan dan agensi di Negeri.
- (c) Memantau, mengawasi dan menilai impak pelaksanaan projek-projek pembangunan di peringkat Negeri adalah bersepadu dan seimbang dengan dasar-dasar negara seperti alam sekitar, kehendak sosial, budaya dan pembangunan insan.
- (d) Menilai dan menimbang kertas-kertas yang akan dibentangkan kepada mesyuarat MPNg.

- (e) Memantau pelaksanaan program dan aktiviti Badan-badan Berkanun Persekutuan dan melaporkannya secara berkala kepada MPNg dan ICU, JPM.
- (f) Memantau institusi-institusi Kerajaan dan projek-projek pembangunan yang diswastakan secara terpilih supaya selaras dengan DWN.
- (g) Memperakukan dasar dan strategi pembangunan kepada MPNg bagi mencapai matlamat DWN.

2.5.3 **Kekerapan Mesyuarat**

Jawatankuasa Kerja ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

PERINGKAT DAERAH

2.6 **Jawatankuasa Kerja Pembangunan Daerah (JKPD)/ Bahagian (JKPB)**

2.6.1 **Keanggotaan JKPD**

Pengerusi : Pegawai Daerah.

Ahli-Ahli : Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang berkaitan.

Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya.

Jurutera Daerah,
Jabatan Pengairan dan Saliran.

Jurutera Daerah,
Jabatan Bekalan Air.

Pegawai Pertanian Daerah.

Pegawai MARA Daerah.

Pegawai Perubatan dan Kesihatan
Daerah.

Pegawai Pendidikan Daerah.

Setiausaha Pihak Berkuasa
Tempatan.

Pegawai Kebajikan Masyarakat
Daerah.

Ketua Cawangan,
Jabatan Alam Sekitar.

Pegawai Jabatan Agama Islam
Daerah.

Ahli Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan serta
mana-mana individu yang dilantik oleh
Pengerusi beraskan isu semasa yang
dibincangkan.

Urus Setia : Pejabat Ketua Penolong Pegawai
Daerah (Pembangunan)/Penolong
Pegawai Daerah.

2.6.2 **Keanggotaan JKPB**

Pengerusi : Residen

Ahli-Ahli : Pegawai Jabatan Kerja Raya.

Pegawai Jabatan Pengairan dan
Saliran.

Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan.

Pegawai Pendidikan.

Pegawai Perubatan dan Kesihatan.

Pegawai Pertanian.

Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Ketua Cawangan, Jabatan Alam Sekitar.

Pegawai Agama Islam.

Ahli Jemputan : Ketua Jabatan/ Agensi Kerajaan serta
mana-mana individu yang dilantik

oleh Pengerusi berasaskan isu semasa yang dibincangkan.

Ketua Menteri Sarawak boleh melantik Ahli Parlimen/DUN menjadi ahli tetap.

Urus Setia : Pejabat Pegawai Pembangunan Bahagian.

2.6.3 **Fungsi JKPD/JKPB**

- (a) Memantau dan menilai impak pelaksanaan projek-projek pembangunan di peringkat daerah/bahagian supaya bersepadu dan seimbang dengan dasar-dasar negara seperti kehendak alam sekitar, sosial, budaya dan pembangunan insan.
- (b) Mengawasi projek-projek penswastaaan di dalam daerah/bahagian yang memberi kesan kepada sosio-ekonomi dan alam sekitar.
- (c) Memastikan kumpulan sasar mendapat faedah maksimum daripada projek-projek pembangunan yang dilaksanakan.
- (d) Menyelaras dan mengemukakan cadangan pelaksanaan projek-projek kementerian/agensi yang berkaitan.
- (e) Memastikan masalah pelaksanaan projek-projek pembangunan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat daerah/bahagian dikemukakan untuk tindakan JKPNg.
- (f) Memperakukan dasar dan strategi pembangunan kepada JKPNg dan MPNg bagi mencapai matlamat DWN.

2.6.4 **Kekerapan Mesyuarat**

Jawatankuasa Kerja Pembangunan Daerah/Bahagian hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

3. **Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Bagi Negeri Kelantan Dan Terengganu**

3.1 **Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Negeri Kelantan**

3.1.1 Keanggotaan dan fungsi Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Negeri Kelantan akan ditentukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

3.2 **Majlis Pembangunan Negeri Kelantan/Terengganu (MPNg Kelantan/MPNg Terengganu)**

3.2.1 ***Keanggotaan MPNg Kelantan/Terengganu***

Pengerusi : Ketua Pengarah,
ICU, JPM

Ahli-ahli : Wakil Kementerian Kewangan.

Wakil Unit Perancang Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Ketua Setiausaha,
Kementerian Pembangunan Luar
Bandar.

Timbalan Ketua Setiausaha,
Kementerian Pembangunan
Usahawan.

Wakil Kementerian Pendidikan.

Wakil Kementerian Kesihatan.

Pengarah Audit Negeri.

Ketua Pengarah,
JAKIM.

Pengarah Pembangunan
Persekutuan Negeri Kelantan/
Pengarah Pembangunan Negeri
Terengganu.

Ahli Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi serta mana-mana individu yang dilantik oleh Pengerusi berasaskan isu semasa yang dibincangkan.

Urus Setia : Jabatan Pembangunan
Persekutuan Negeri Kelantan/
Pejabat Pembangunan Negeri
Terengganu.

3.2.2 **Fungsi MPNg Kelantan/MPNg Terengganu**

- (a) Menentukan strategi dan pelaksanaan projek-projek pembangunan adalah menepati matlamat-matlamat DWN dan Rancangan Malaysia Lima Tahun.
- (b) Memantau dan menilai strategi pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah DWN dan Rancangan Malaysia Lima Tahun.
- (c) Memantau, mengawasi dan menilai impak pelaksanaan projek-projek pembangunan di peringkat negeri adalah bersepadu dan seimbang dengan dasar-dasar negara seperti alam sekitar, kehendak sosial, budaya dan pembangunan insan.
- (d) Memperakukan dasar dan strategi pembangunan kepada JKPN dan MPN bagi mencapai matlamat DWN.

3.2.3 **Kekerapan Mesyuarat**

Mesyuarat Majlis Pembangunan Negeri Kelantan dan Terengganu hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

3.3 **Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri Kelantan/ Terengganu (JKPNg Kelantan/Terengganu)**

3.3.1 **Keanggotaan JKPNg Kelantan/Terengganu**

Pengerusi : Pengarah Pembangunan
Persekutuan Negeri Kelantan/
Pengarah Pembangunan Negeri
Terengganu.

Ahli-ahli : Pengarah Kerja Raya Negeri.

Pengarah Pendidikan Negeri.

Pengarah Perkhidmatan
Perubatan dan Kesihatan Negeri.

Pengarah Perancang Bandar
dan Desa Negeri.

Pengarah Jabatan Penilaian dan
Perkhidmatan Harta Negeri.

Pengarah Bahagian Keselamatan
Negara, Negeri.

Pengarah Alam Sekitar Negeri.

Pengarah Pertanian Negeri

Pengarah Audit Negeri.

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri.

Ahli Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi serta mana-mana individu yang dilantik oleh Pengerusi berasaskan isu semasa yang dibincangkan.

Urus Setia : Jabatan Pembangunan
Persekutuan Negeri Kelantan/
Pejabat Pembangunan Negeri
Terengganu.

3.3.2 Fungsi JKPNg Kelantan/Terengganu

- (a) Membincangkan semua pelan pembangunan dan isu-isu berkaitan dengan pembangunan yang timbul dari semasa ke semasa.
- (b) Memantau dan menilai kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan Rancangan Lima Tahun.
- (c) Memeriksa dan meneliti cadangan-cadangan projek baru yang tidak disenaraikan di dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun sebelum dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi untuk dipertimbangkan.
- (d) Memeriksa dan meneliti projek-projek yang telah diluluskan tetapi memerlukan perubahan skop, kos dan/atau lokasi sebelum diberi peruntukan.
- (e) Mengkaji cadangan-cadangan kajian kemungkinan atau kajian pelan induk sebelum diberi peruntukan.

- (f) Memastikan semua arahan dan keputusan Majlis Pembangunan Negeri dilaksanakan dengan berkesan.
- (g) Menyelaras pelaksanaan projek yang melibatkan pelbagai Jabatan dan Agensi di Negeri.
- (h) Memantau, mengawasi dan menilai impak pelaksanaan projek-projek pembangunan di peringkat Negeri adalah bersepadu dan seimbang dengan dasar-dasar negara seperti alam sekitar, kehendak sosial, budaya dan pembangunan insan.
- (i) Memperakukan dasar dan strategi pembangunan kepada JKPN dan MPN bagi mencapai matlamat DWN.

3.3.3 Kekerapan Mesyuarat

Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

4. PANDUAN UMUM

4.1 Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa

- 4.1.1 Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa hendaklah diatur oleh Urus Setia mengikut kekerapan mesyuarat seperti yang ditetapkan.
- 4.1.2 Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa hendaklah memberi tumpuan kepada fungsi-fungsi yang telah ditetapkan.
- 4.1.3 Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa hendaklah seboleh mungkin mengelakkan daripada membincangkan perkara-perkara yang sepatutnya diselesaikan dalam forum lain.

4.2 Takwim Mesyuarat

- 4.2.1 Takwim mesyuarat sepanjang tahun hendaklah dirancang terlebih dahulu, seelok-eloknya sebelum Januari setiap tahun dan mengedarkan takwim mesyuarat tersebut kepada semua ahli Majlis/Jawatankuasa.
- 4.2.2 Sekiranya mesyuarat tidak dapat diadakan pada tarikh yang ditetapkan, Urus Setia hendaklah berusaha mendapatkan tarikh ganti supaya agenda mesyuarat yang dijadual dapat dibincangkan.

4.3 **Agenda Mesyuarat**

4.3.1 Secara umum, Urus Setia hendaklah menyediakan agenda khusus untuk mesyuarat sepanjang tahun berasaskan fungsi-fungsi yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, Urus Setia mesyuarat hendaklah menjadualkan perkara atau topik tertentu sebagai agenda tetap atau berkala untuk mesyuarat Majlis/Jawatankuasa. Antara perkara yang boleh dijadikan agenda tetap atau berkala ialah:

- (a) Pembentangan laporan/kertas kerja berasaskan kepada maklumat PMS II.
 - (i) Laporan kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan.
 - (ii) Laporan pelaksanaan Perumahan Awam Kos Rendah/Perumahan Kos Rendah.
 - (iii) Laporan pelaksanaan program-program ekonomi seperti:
 - Program Kesejahteraan Rakyat (PKR);
 - Program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB); dan
 - Program Francais.
 - (iv) Laporan khusus pelaksanaan projek infrastruktur/kesejahteraan rakyat seperti kemudahan asas jalan, bekalan air, elektrik, telekomunikasi, kesihatan atau pendidikan.
- (b) Taklimat bulanan berdasarkan:
 - (i) Kementerian/jabatan;
 - (ii) Agensi/Badan-badan Berkanun/Agensi yang telah diswastakan;
 - (iii) Program; dan
 - (iv) Projek bermasalah.

Taklimat yang diberikan oleh kementerian/jabatan/ agensi/ pengurus projek hendaklah memberikan fokus kepada isu/masalah yang dihadapi dalam

melaksanakan rancangan pembangunan dan langkah-langkah penyelesaian yang dicadangkan.

(c) Lawatan ke tapak projek:

Urus Setia hendaklah mengaturkan lawatan ahli Majlis/Jawatankuasa melawat tapak projek, ke Badan-badan Berkanun atau agensi-agensi yang telah diswastakan secara berjadual atau sebagai susulan kepada keputusan mesyuarat.

4.3.2 Majlis/Jawatankuasa hendaklah berbincang mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Majlis/Jawatankuasa boleh mengambil maklum akan isu/masalah lain yang tidak berkaitan dengan projek pembangunan tetapi boleh dibincang serta diselesaikan di dalam forum yang sesuai.

4.4 **Maklumat Prestasi Pelaksanaan Projek**

4.4.1 Kementerian/Jabatan/Agensi/Negeri adalah bertanggungjawab mengemaskini secara berterusan semua maklumat di dalam PMS II dengan tepat dan betul bagi membantu menyediakan laporan-laporan yang terkini. Tindakan susulan terhadap projek-projek bermasalah yang dikenalpasti melalui sistem akan dilakukan secara berterusan.

4.4.2 Kementerian/Jabatan/Agensi/Negeri hendaklah membuat analisis maklumat-maklumat yang diperolehi dari PMS II bagi tujuan perancangan, penilaian, unjuran dan penyelesaian masalah pelaksanaan serta kesan ke atas sosial, ekonomi dan alam sekitar.

4.4.3 Gambar-gambar mengenai kemajuan pelaksanaan projek dan projek yang telah siap hendaklah disimpan di dalam PMS II bagi memudahkan Majlis/Jawatankuasa membuat keputusan dengan cepat dan tepat.

4.5 **Mengenalpasti Isu/Masalah dan Tindakan Penyelesaian**

4.5.1 Peranan utama semua Majlis/Jawatankuasa adalah untuk mengesan dan menyelesaikan isu/masalah pelaksanaan projek-projek pembangunan.

- 4.5.2 Isu/masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh kementerian/jabatan/agensi/Negeri berkaitan hendaklah dibawa kepada Majlis/Jawatankuasa yang lebih tinggi.
- 4.5.3 JKPN/JKPNg akan mempertimbangkan cadangan penyelesaian kepada isu/masalah berdasarkan kertas taklimat. Kertas taklimat hendaklah mengandungi butir-butir seperti dasar kerajaan yang berkaitan, jentera pelaksanaan, status semasa, isu/masalah dan cadangan penyelesaian.
- 4.5.4 Semua agensi berkenaan boleh menggunakan format yang sesuai bagi mengenengahkan perkara atau isu-isu berkenaan. Bagi kertas taklimat yang melebihi 6 muka surat, nota ringkas tidak melebihi 3 muka surat hendaklah dibuat dan diletakkan di bahagian hadapan kertas taklimat tersebut.

4.6 **Minit Mesyuarat**

- 4.6.1 Minit mesyuarat hendaklah menepati kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991 yang bertajuk 'Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerajaan'. Contoh format minit Mesyuarat JPPK adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Jentera penyelarasan di peringkat negeri/daerah/bahagian hendaklah mengubahsuai format mengikut kesesuaian fungsi masing-masing.
- 4.6.2 Minit mesyuarat hendaklah diedarkan kepada ahli-ahli mesyuarat tidak lewat dari satu minggu selepas tarikh mesyuarat diadakan dan sesalinan minit mesyuarat kepada Urus Setia MPN/MPNg yang berkaitan.

4.7 **Pemantauan Pelaksanaan Keputusan Mesyuarat**

- 4.7.1 Ahli Majlis/Jawatankuasa atau mana-mana pihak lain yang diberi tanggungjawab melaksanakan sesuatu keputusan mesyuarat hendaklah memberi maklumbalas kepada Urus Setia Majlis/Jawatankuasa dalam masa sekurang-kurangnya 10 hari selepas minit mesyuarat diedarkan. Laporan terkini boleh dikemukakan sekurang-kurangnya 10 hari sebelum mesyuarat yang akan datang.

- 4.7.2 Sekiranya pihak yang diberi tanggungjawab melaksanakan sesuatu keputusan bukan ahli kepada Majlis/Jawatankuasa, Urus Setia hendaklah menghantar keratan minit mesyuarat kepada pihak berkenaan seperti contoh di **LAMPIRAN B**.
- 4.7.3 Urus Setia adalah bertanggungjawab memantau pelaksanaan keputusan mesyuarat dan melaporkannya kepada mesyuarat Majlis/Jawatankuasa seperti contoh di **LAMPIRAN C**.

5. URUS SETIA MAJLIS/JAWATANKUASA

- 5.1 Bagi memastikan Majlis/Jawatankuasa dapat berjalan dengan lancar, tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh Urus Setia ialah:
 - 5.1.1 Menyediakan surat pelantikan ahli yang ditandatangani oleh Pengerusi.
 - 5.1.2 Menjadualkan takwim mesyuarat Majlis/ Jawatankuasa sekurang-kurangnya sebulan sekali atau lebih kerap bagi tahun berkenaan agar dapat menyediakan perancangan lebih awal dan mengedarkan takwim tersebut kepada semua ahli Majlis/Jawatankuasa.
 - 5.1.3 Menyediakan laporan berkala mengenai prestasi perbelanjaan dan fizikal projek-projek RMLT bagi semua agensi Kerajaan di semua peringkat untuk dibentangkan di dalam mesyuarat Majlis/Jawatankuasa setiap suku tahun.
 - 5.1.4 Menyediakan kemudahan kepada jabatan/agensi untuk memberikan taklimat kepada Majlis/Jawatankuasa.
 - 5.1.5 Menyediakan minit mesyuarat Jawatankuasa seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991 dan mengedarkannya kepada semua ahli dalam tempoh 7 hari selepas mesyuarat serta salinan dihantar kepada Urus Setia MPN/MPNg yang berkenaan.

- 5.1.6 Mengambil tindakan susulan dan menerima maklum balas pelaksanaan keputusan-keputusan Majlis/Jawatankuasa daripada jabatan-jabatan/agensi-agensi terlibat dan membentangkannya kepada mesyuarat Majlis/Jawatankuasa.
- 5.1.7 Mengenalpasti isu-isu dan masalah-masalah pelaksanaan projek-projek pembangunan di semua peringkat untuk dijadikan agenda Majlis/Jawatankuasa.
- 5.1.8 Mengatur lawatan kerja ahli Majlis/Jawatankuasa ke tapak projek-projek sakit/bermasalah serta Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri.
- 5.1.9 Memaklumkan keputusan/dasar/arahan daripada MPN/MPNg dan JKPN/JKPNg kepada kementerian/jabatan/agensi untuk tindakan seterusnya.

6. **PENUTUP**

- 6.1 Segala pertanyaan mengenai pelaksanaan Arahan No. 1, 2001 dan garis panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Urus setia
Majlis Pembangunan Negara
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU,JPM)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 3, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA.

No. Telefon : 03 - 88881508

No. Fax : 03 - 88883528

E-mail : usetiampn@icu.gov.my

LAMPIRAN

Contoh Format

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN
PERINGKAT KEMENTERIAN**

KEMENTERIAN

BIL

Tarikh

Masa

Tempat

HADIR

HADIR BERSAMA

TIDAK HADIR :

- I. PERUTUSAN Pengerusi
- II. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT
- III. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT
- IV. PELAKSANAAN ARAHAN/KEPUTUSAN MAJLIS
PEMBANGUNAN NEGARA DAN JAWATANKUASA KERJA
PEMBANGUNAN NEGARA YANG BERKAITAN DENGAN
KEMENTERIAN
- V. PERKARA-PERKARA PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN
PELAKSANAAN PROGRAM/PROJEK PEMBANGUNAN
RANCANGAN LIMA TAHUN
- VI. PERBINCANGAN KERTAS KERJA DAN TAKLIMAT
- VII. HAL-HAL LAIN
- VIII. PENUTUP

Urus setia :

Tarikh :

RAHSIA

Contoh Format

DOKUMEN INI ADALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA

Butir-butir Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara

Mesyuarat Pada : 3 April 2001

4. PEMBENTANGAN DAN PERBINCANGAN KERTAS KERJA/LAPORAN

4.1 Kertas 'Laporan Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan RMK8 Bagi Tahun 2001 Mengikut Kementerian' – Oleh UPP.

4.1.3 Mesyuarat seterusnya:

(b) Menetapkan:

(ii) Kementerian Kewangan dan UPE meneliti cadangan Kementerian Kesihatan supaya setiap projek pembinaan hospital dilengkapi dengan kemudahan perumahan dan implikasinya ke atas jabatan-jabatan Kerajaan lain yang mempunyai pejabat di kawasan pendalaman.

Tindakan : Kementerian Kewangan
UPE

[]
Setiausaha,
Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara.

RAHSIA

LAPORAN MAKLUMBALAS:

Pegawai yang menyediakan:

Rujukan:

MAKLUMBALAS HENDAKLAH DIKEMUKAKAN SEBELUM 29 APRIL 2001

RAHSIA

Contoh Format

**LAPORAN MAKLUM BALAS PELAKSANAAN KEPUTUSAN
MESYUARAT MAJLIS PEMBANGUNAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
BIL. 2/2001 BERTARIKH 29 FEBRUARI 2001**

<i>BIL.</i>	<i>PERKARA</i>	<i>TINDAKAN</i>	<i>MAKLUMBALAS</i>
1.	PROGRAM RUMAH KOS RENDAH (Perenggan 2.1 muka surat 7) Perwujudan sistem Pendaftaran Berpusat bagi pelaksanaan dan pengagihan Rumah Kos Rendah	Unit Perumahan Kerajaan Tempatan	Unit Perumahan dan Kerajaan Tempatan (UPKT) Sistem Pendaftaran Berpusat (tambahan) akan dilaksanakan pada bulan April 2001 di mana borang-borang berkenaan akan diedarkan ke Pejabat-pejabat Daerah pada akhir Mac 2001. Borang tersebut boleh diperolehi dengan bayaran RM2.00 setiap satu di Pejabat-pejabat Daerah berhampiran.
2.	PEMBINAAN MENARA PEMANCAR/ANTENA TELEFON TANPA KEBENARAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (Perenggan 2.2 muka surat 8) Penyediaan garis panduan mengenai pembinaan menara pemancar serta pemasangan antena telefon	Unit Perancang Ekonomi Negeri	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
3.	PROGRAM PERTANIAN (Perenggan 2.4 muka surat 8) Usaha membangunkan tanah-tanah terbiar untuk meningkatkan hasil pengeluaran	Semua Pejabat Daerah/Jabatan Pertanian Negeri	Pejabat Daerah Seremban Tindakan bagi mengenalpasti tanah terbiar sedang dilaksanakan Pejabat Daerah Port Dickson Satu mesyuarat untuk membincangkan tanah-tanah pertanian yang terbiar akan diadakan pada 23 Mac 2001

SINGKATAN

DEB	:	<i>Dasar Ekonomi Baru</i>
DPN	:	<i>Dasar Pembangunan Nasional</i>
DWN	:	<i>Dasar Wawasan Negara</i>
DUN	:	<i>Dewan Undangan Negeri</i>
ICU, JPM	:	<i>Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri</i>
ICT	:	<i>Information Communication Technology</i>
JKPN	:	<i>Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara</i>
JKPNg	:	<i>Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri</i>
JPPK	:	<i>Jawatankuasa Pembangunan Peringkat Kementerian</i>
JKPD	:	<i>Jawatankuasa Kerja Pembangunan Daerah</i>
JKPB	:	<i>Jawatankuasa Kerja Pembangunan Bahagian</i>
MPN	:	<i>Majlis Pembangunan Negara</i>
MPNg	:	<i>Majlis Pembangunan Negeri</i>
MPPB	:	<i>Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera</i>
MQLI	:	<i>Malaysian Quality Life Index</i>
PKR	:	<i>Program Kesejahteraan Rakyat</i>
PMS II	:	<i>Project Monitoring System II</i>
RRJP3	:	<i>Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga</i>
RMK8	:	<i>Rancangan Malaysia ke Lapan</i>